BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini dibuat untuk melihat persepsi guru-guru terhadap tahap kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan dan hubungannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat perbezaan tahap kepemimpinan transformasional pengetua dan hubungannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan.

Bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini, termasuklah reka bentuk kajian, model kajian, sampel kajian, instrumen yang digunakan untuk mengumpul data, kajian rintis, prosedur untuk menjalankan kajian, dan bagaimana data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam pengumpulan data. Menurut Patton (1990), data kuantitatif adalah piawai, mudah dianalisis, sistematik dan mudah diproses dalam masa yang singkat. Data diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri daripada guru-guru di dua buah sekolah di Daerah Kota Setar, Kedah. Menurut Sekaran (1992), soal selidik adalah

instrumen pengumpulan data yang cekap kerana banyak data dapat dikumpulkan dalam masa yang singkat.

3.3 Model Kajian

Terdapat dua pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini, iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas ialah tingkah laku kepemimpinan transformasional pengetua. Terdapat empat ciri tingkah laku kepemimpinan transformasional pengetua yang dilihat, iaitu karisma, pertimbangan individu, motivasi inspirasi dan stimulasi intelektual. Pembolehubah bersandar pula ialah pelaksanaan inovasi kurikulum di peringkat sekolah. Hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

3.4 Sampel Kajian

Sampel kajian berjumlah 80 orang guru-guru terlatih yang dipilih secara rawak bebas daripada dua buah sekolah menengah dalam daerah Kota Setar, iaitu sebuah sekolah berkesan dan sebuah sekolah kurang berkesan. Pecahan sampel bagi setiap sekolah adalah sama banyak, iaitu 40 orang responden bagi setiap sekolah. Pemilihan sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan adalah berdasarkan kepada pemilihan yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, mengikut pencapaian sekolah dalam peperiksaan awam dan Program Sekolah Lima Bintang.



Rajah 3.1 : Model Tingkah Laku Kepemimpinan Transformasional Terhadap Pelaksanaan Inovasi Kurikulum

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang mempunyai tiga bahagian. Bahagian A adalah soal selidik Maklumat Peribadi, Bahagian B soal selidik Kepemimpinan Transformasional Pengetua, dan Bahagian C soal selidik Pelaksanaan Inovasi Kurikulum. Bilangan item bagi setiap bahagian soal selidik itu adalah seperti dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 : Bilangan Item Instrumen Kajian

Bahagian	Instrumen Kajian	Bilangan Item
A	Soal Selidik Maklumat Peribadi	4
B	Soal Selidik Kepemimpinan Transformasional	40
C	Soal Selidik Pelaksanaan Inovasi Kurikulum	6

3.5.1 Bahagian A : Maklumat Peribadi

Bahagian ini mengandungi empat item soalan dan digunakan untuk mendapatkan maklumat beberapa ciri latar belakang responden iaitu jantina, umur, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar.

3.5.2 Bahagian B : Kepemimpinan Transformasional

Bahagian ini mengandungi empat puluh item soalan yang dibahagikan kepada empat bahagian kecil berdasarkan empat ciri kepemimpinan transformasional, iaitu karisma, pertimbangan individu, motivasi inspirasi dan stimulasi intelektual. Bilangan item mengikut setiap ciri kepemimpinan transformasional tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.2. Setiap bahagian kecil mempunyai sepuluh pernyataan yang perlu dijawab mengikut skala yang diberikan. Tiap-tiap pernyataan di dalam bahagian ini diikuti dengan skala Likert lima markat, iaitu :

1) Tidak Setuju

2) Kurang Setuju

3) Sederhana Setuju

4) Setuju

5) Sangat Setuju

Bahagian ini adalah diambil daripada kajian yang dilakukan oleh Normah Hussin (1997), yang disesuaikan oleh beliau daripada Leadership Behavior Description Questionaire (LBDQ) Hemphill Coons (1957), Leadership Behavior Questionaire (LBQ) Sahskin (1988) dan Multifactor Leadership Questionaire (MLQ) oleh Bass (1988b) dan Bass dan Avolio (1988).

Jadual 3.2 : Bilangan Item Mengikut Ciri-ciri Kepemimpinan Transformasional

Ciri-ciri Kepemimpinan Transformasional	Nombor Item
Karisma	1 hingga 10
Pertimbangan Individu	11 hingga 20
Stimulasi Intelektual	21 hingga 30
Motivasi Inspirasi	31 hingga 40

3.5.3 Bahagian C : Pelaksanaan Inovasi Kurikulum

Bahagian ini mengandungi enam item soalan dan dibina sendiri oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah

menengah daripada persepsi guru-guru. Soalan 1 hingga 5 adalah untuk mengetahui persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dalam beberapa aspek tertentu, iaitu :

(i) penyampaian maklumat berkenaan inovasi kurikulum yang perlu dilaksanakan di sekolah,

(ii) penubuhan jawatankuasa yang mengendalikan inovasi kurikulum,

(iii) kursus perkembangan staf yang berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum dan kekerapan kursus tersebut,

(iv) peruntukan kewangan dan kemudahan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum.

Setiap penyataan tersebut hanya memerlukan jawapan Ya atau Tidak, di samping penyataan kekerapan dan jenis kemudahan bagi soalan 3 dan 5. Soalan 6 adalah untuk mengetahui tahap pelaksanaan inovasi kurikulum yang dijalankan oleh pengetua di sekolah menengah, iaitu sama ada pada tahap sangat berjaya, berjaya, atau tidak berjaya daripada persepsi guru-guru.

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilakukan untuk memastikan ketekalan dan kebolehpercayaan item-item yang digunakan dalam soal selidik, iaitu bagi soal selidik Bahagian B: Kepemimpinan Transformasional Pengetua, dan Bahagian C: Pelaksanaan Inovasi Kurikulum. Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha telah digunakan untuk menguji item-item dalam soal selidik Bahagian B, manakala pekali kebolehpercayaan Kuder Richarson 21 pula digunakan untuk menguji item-item dalam soal selidik Bahagian C.

Kajian rintis telah dilakukan di sebuah sekolah di daerah Kota Setar, Kedah. Seramai 30 orang guru telah terlibat dalam kajian ini. Hasil daripada analisis kajian rintis didapati pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha soal selidik Bahagian B secara keseluruhannya ialah 0.9738, manakala bagi setiap ciri-ciri kepemimpinan transformasional, iaitu karisma, pertimbangan individu, stimulasi intelektual, dan motivasi inspirasi berada dalam julat 0.8864 hingga 0.9497 (lihat Jadual 3.3). Pekali kebolehpercayaan Kuder Richardson bagi soal selidik Bahagian C pula ialah 0.7538. Menurut Sekaran (1992), semakin hampir nilai Alpha kepada angka 1, maka semakin tinggi nilai kebolehpercayaan item-item yang dibina. Nilai Alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah, manakala nilai Alpha 0.7 boleh diterima. Nilai Alpha yang melebihi 0.8 dianggap baik.

Jadual 3.3 : Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Bagi Soal Selidik Bahagian B

Pembolehubah	Jumlah Item	Nilai Alpha
Karisma	10	0.9497
Pertimbangan Individu	10	0.9248
Stimulasi Intelektual	10	0.9155
Motivasi Inspirasi	10	0.8864
Keseluruhan	40	0.9738

3.7 Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang dipilih, pengkaji mendapatkan kebenaran bertulis dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Pendidikan Swasta, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Seterusnya pengkaji ke sekolah kajian untuk berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan pengetua berhubung dengan kajian yang akan dijalankan. Soal selidik diedarkan sendiri oleh pengkaji ke sekolah kajian dan akan dikutip semula dalam tempoh lima hingga lapan hari. Pengedaran dan pengumpulan soal selidik dilakukan oleh seorang guru yang ditentukan oleh pengetua untuk memudahkan pengurusan.

Soal selidik yang dikembalikan telah disemak terlebih dahulu untuk memastikan responden mengikut arahan yang betul dan memberi semua maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji. Sekiranya terdapat soal selidik yang tidak lengkap atau tidak mengikut arahan seperti yang dikehendaki oleh pengkaji, maka soal selidik tersebut akan dianggap rosak. Semua soal selidik yang dikembalikan adalah lengkap dan sesuai untuk diproses serta dianalisis.

3.8 Analisis Data

Data yang dikutip dikodkan untuk dianalisis mengikut kaedah statistik dengan menggunakan perisian program SPSS PC, Ver. 6. Dua kaedah statistik untuk menganalisis data akan digunakan, iaitu kaedah deskriptif dan kaedah inferensi.

3.8.1 Kaedah Deskriptif

Kaedah ini akan digunakan untuk menentukan kekerapan, peratus, min, dan sisihan piawai ke atas data yang diterima. Maklumat peribadi responden dan persepsi mereka terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dianalisis dengan menggunakan statistik kekerapan dan peratus. Analisis min dan sisihan piawai pula digunakan untuk menentukan tahap kepemimpinan transformasional pengetua. Tahap kepemimpinan transformasional pengetua dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana, dan tinggi. Julat bagi setiap tahap itu ditentukan dengan mencari beza antara skor tertinggi dan terendah bagi skala kepemimpinan dan kemudiannya dibahagikan dengan 3. Taburan julat bagi setiap tahap kepemimpinan transformasional tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4 : Tahap Kepemimpinan Transformasional Pengetua

Julat Skor Min	Tahap Kepemimpinan Transformasional Pengetua
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

3.8.2 Kaedah Inferensi

Kaedah ini digunakan untuk menguji soalan kajian 2, 4, 5, dan 6. Aras signifikan yang digunakan untuk kajian ini ialah pada 0.05. Mengikut Sekaran (1992),

aras signifikan 0.05 diterima oleh kebanyakan pengkaji dalam membuat keputusan statistik. Ujian statistik yang digunakan untuk menguji soalan-soalan kajian tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.5. Bagi soalan kajian 4, 5, dan 6 tahap kekuatan hubungan antara pembolehubah juga ditentukan berdasarkan Jadual 3.6.

Jadual 3.5 : Ujian statistik yang digunakan untuk menguji soalan kajian 2, 4, 5, dan 6

Bil	Soalan Kajian	Ujian Statistik
2	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan?	Ujian –t tak bersandar
4	Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan?	Pekali Korelasi Pearson
5	Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan?	Pekali Korelasi Pearson
6	Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah?	Pekali Korelasi Pearson

Jadual 3.6 : Tahap Kekuatan Hubungan Antara Pembolehubah

Nilai r	Tahap Hubungan
0.00 – 0.33	Lemah
0.34 – 0.66	Sederhana
0.67 – 1.00	Kuat